



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KAJIAN LOGAM BERAT DI PERAIRAN PANTAI  
NEGERI SEMBILAN**

**KHATIJAH BINTI KADER BATCHA**

**FSAS 1996 18**

**KAJIAN LOGAM BERAT DI PERAIRAN PANTAI  
NEGERI SEMBILAN**

oleh

**KHATIJAH BINTI KADER BATCHA**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi syarat  
**Ijazah Master Sains di Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar**  
**Universiti Pertanian Malaysia**

**Mac 1996**



## PENGHARGAAN

Alhamdillah, terlebih dahulu saya ingin memanjangkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas taufik dan hidayahNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis Master ini.

Melalui ruangan ini saya ingin merakamkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Ahmad Ismail dan Dr. Asmah Hj. Yahaya yang telah banyak memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan projek ini. Penulisan ini tidak akan disiapkan dengan lancar dan lengkap tanpa bantuan mereka.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan saya kepada Allayarham Prof. Dr. Mohsin dan pembantu penyelidiknya Encik Nazir Abdul Salam yang telah membantu saya untuk mengenal pasti spesis ikan. Semoga roh beliau dicucuri rahmat oleh Allah SWT.

Penghargaan khas dan terima kasih juga ingin saya rakamkan kepada Prof. Madya Dr. Badri Mohamad (UKM) yang telah mengizinkan saya menggunakan makmalnya bagi tujuan penganalisisan.

Akhir sekali saya ingin juga mengucapkan ribuan terima kasih ke atas pertolongan daripada Ketua Jabatan Biologi Prof. Madya Dr. Jambari Haji Ali, Drs. Idris Abd. Ghani, pensyarah-pensyarah Jabatan Biologi, pembantu-pembantu makmal Jabatan Biologi dan Kimia khasnya Encik Mat Kamal Bin Margona, rakan-rakan dan semua insan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung yang telah membantu saya dalam menyiapkan tesis ini.

Saya berharap projek ini akan dapat digunakan dan dimanfaatkan sebagai bahan rujukan pada masa hadapan walaupun ianya tidaklah selengkap dan sebaik yang diharapkan. Terdapat banyak kelemahan dan kekurangan di dalam projek ini sama ada dari segi penulisan, kandungan saintifik dan sebagainya. Oleh itu, saya berharap akan mendapat teguran dan komen yang membina untuk membolehkan saya memperbaiki mana-mana kecacatan pada masa yang akan datang.

Wassalam.

## JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN .....	ii
SENARAI JADUAL .....	vii
SENARAI RAJAH .....	xi
SENARAI SINGKATAN .....	xiv
ABSTRAK .....	xvi
ABSTRACT .....	xviii

## BAB

1 PENDAHULUAN .....	1
2 SOROTAN LITERATUR .....	5
Definisi Logam Berat .....	5
Sumber-sumber Logam Berat .....	5
Sumber-sumber Semulajadi .....	6
Sumber-sumber Anthropogenik .....	6
Logam Kuprum (cu) .....	7
Logam Zink (Zn) .....	9
Logam Kadmium (Cd) .....	10
Logam Plumbum (Pb) .....	12
Status Kajian Logam Berat Di Malaysia .....	14
3 BAHAN DAN CARAKERJA .....	20
Kawasan kajian: Perairan Negeri Sembilan .....	20
Penternakan Khinzir .....	27
Kegiatan-kegiatan Pertanian Dan	
Penggunaan Racun Rumput-rumpai Dan Racun	
Perosak .....	28
Pensampelan Dan Penganalisisan .....	29
Pensampelan Sedimen .....	29
Pengeringan Sedimen .....	30
Pensampelan Dan Penyediaan Tisu	
Kupang Dan Kerang .....	30
Pensampelan Dan Penyediaan Sampel Ikan .....	31
Pencernaan Dan Penganalisisan .....	31
Kaedah Terus .....	31
Sampel Sedimen .....	31
Sampel Kupang, Kerang Dan Ikan .....	32
Bahagian Tisu Ikan Yang Berbeza Dan	
Tulang Ikan .....	32

## Muka Surat

Penyediaan Larutan Stok Dan Keluk	
Tentukuran .....	32
Kajian Peratus Pengembalian .....	32
Penspesisan Logam Berat Dalam	
Sampel Sedimen .....	33
Fraksi Logam Yang Mudah Larut Dan	
Bebas Larut-lesap Dan Bertukar	
Ganti (TIML) .....	35
Fraksi Berorganik Dan Boleh	
Dioksidakan .....	35
Fraksi Penurunan Asid .....	36
Fraksi Residu .....	37
4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN .	
Logam-logam Berat Dalam Sedimen .....	38
Logam Kuprum .....	39
Logam Zink .....	44
Logam Kadmium .....	47
Logam Plumbum .....	52
Logam Berat Dalam Biota .....	56
Logam Berat Dalam Sampel Kupang	
( <i>Perna viridis</i> ) Dan Kerang	
( <i>Anadara granosa</i> ) .....	59
Sampel Kupang .....	59
Logam Kuprum .....	61
Logam Zink .....	63
Logam Kadmium .....	64
Logam Plumbum .....	64
Sampel Kerang .....	64
Logam Kuprum .....	64
Logam Zink .....	65
Logam Kadmium .....	66
Logam Plumbum .....	67
Faktor-faktor Yang Mempengaruhi	
Pengumpulan Logam Berat	
Dalam Moluska .....	67
Kepekatan Logam-logam Cu, Zn, Cd,	
Dan Pb Di Dalam Tisu Kupang	
Mengikut Saiz .....	69
Kepekatan Logam-logam Berat Di Dalam	
Tisu Ikan .....	73
Logam Kuprum .....	75
Logam Zink .....	80
Logam Kadmium .....	82
Logam Plumbum .....	88

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Kandungan Logam-logam Berat Di Dalam Air Di Beberapa Sungai Semenanjung Malaysia .....	15
2 Kandungan Logam Berat Dalam Rumput ( <u>Axonopus compressus</u> ) Berhampiran Jalan Raya ( $\mu\text{g/g}$ ) .....	18
3 Kandungan Logam Berat Dalam Tanah ( $\mu\text{g/g}$ ).....	18
4 Data-data Kegunaan Tanah Daerah Sepang .....	25
5 Nilai Julat Beberapa Parameter Air Di Ukur Di Sungai Sepang .....	26
6 Muatan Air Buangan Dan Bahan-bahan Pencemaran Yang Mengalir Masuk Ke Sungai Linggi .....	27
7 Ternakan Khinzir Di Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan .....	28
8 Kepekatan Logam-logam Berat Cu, Zn, Cd Dan Pb Di Dalam Tisu Kerang ( <u>Perna viridis</u> ) Dari Beberapa Kawasan Di Pantai Barat Semenanjung Malaysia .....	59
9 Kepekatan Logam-logam Berat Cu, Zn, Cd Dan Pb Di Dalam Tisu Kerang ( <u>Anadara granosa</u> ) Dari Beberapa Kawasan Di Pantai Barat Semenanjung Malaysia .....	60
10 Kepekatan Logam-logam Berat Cu, Zn, Cd, Dan Pb Di Dalam Tisu Kupang ( <u>Perna viridis</u> ) Dan Kerang ( <u>Anadara granosa</u> ) Di Perairan Port Dickson Dan Beberapa Kawasan Di Pantai Barat Semenanjung Malaysia .....	62
11 Kepekatan Logam-logam Berat Cu, Zn, Cd, Dan Pb Di Dalam Tisu Ikan Dari Beberapa Kawasan Di Perairan Malaysia	90

Jadual	Muka Surat
12 Kepekatan Logam-logam Berat Cu, Zn, Cd Dan Pb Di Dalam Tisu Kupang ( <u>Perna viridis</u> ) Mengikut Saiz (Bagan Lalang) ..	161
13 Kepekatan Logam-logam Berat Cu, Zn, Cd dan Pb Di Dalam Tisu Kupang ( <u>Perna viridis</u> ) Mengikut Saiz (Pasir Panjang) ...	162
14 Kepekatan Logam-logam Berat Di Dalam Ikan Sembilang ( <u>Plotosus anguillaris</u> ) (Bagan Lalang) .....	163
15 Kepekatan Logam-logam Berat Di Dalam Ikan Sembilang ( <u>Plotosus anguillaris</u> ) (Kuala Lukut) .....	164
16 Kepekatan Logam-logam Berat Di Dalam Ikan Sembilang ( <u>Plotosus anguillaris</u> ) (Pasir Panjang).....	165
17 Penspesisan Logam Cu Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Sepang ..	166
18 Peratus Fraksi Penspesisan Logam Cu Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Sepang .....	167
19 Penspesisan Logam Zn Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Sepang ..	168
20 Peratus Fraksi Penspesisan Logam Zn Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Sepang .....	169
21 Penspesisan Logam Cd Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Sepang ..	170
22 Peratus Fraksi Penspesisan Logam Cd Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Sepang .....	171
23 Penspesisan Logam Pb Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Sepang ..	172
24 Peratus fraksi penspesisan Logam Pb Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Sepang .....	173

Jadual	Muka Surat
25 Penspesisan Logam Cu Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Lukut ....	174
26 Peratus Fraksi Penspesisan Logam Cu Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Lukut .....	175
27 Penspesisan Logam Zn Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Lukut ....	176
28 Peratus Fraksi Penspesisan Logam Zn Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Lukut .....	177
29 Penspesisan Logam Cd Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Lukut.....	178
30 Peratus Fraksi Penspesisan Logam Cd Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Lukut .....	179
31 Penspesisan Logam Pb Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Lukut ....	180
32 Peratus Fraksi Penspesisan Logam Pb Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Lukut .....	181
33 Penspesisan Logam Cu Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Linggi ...	182
34 Peratus Fraksi Penspesisan Logam Cu Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Linggi .....	183
35 Penspesisan Logam Zn Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Linggi ...	184
36 Peratus Fraksi Penspesisan Logam Zn Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Linggi .....	185
37 Penspesisan Logam Cd Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Linggi ...	186

Jadual	Muka Surat
38 Peratus Fraksi Penspesisan Logam Cd Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Linggi .....	187
39 Penspesisan Logam Pb Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Linggi ...	188
40 Peratus Fraksi Penspesisan Logam Pb Di Dalam Sampel Sedimen Dari Kawasan Sungai Linggi .....	189
41 Had Yang Dibenarkan Bagi Beberapa Bahan Surih Di Dalam Makanan (Malaysia Food Act 1983 And Food Regulations 1985 (Amendments 1990) .....	190
42 Had Yang Dibenarkan Bagi Beberapa Bahan Surih Di Udara Dan Air (WHO)...	191
43 Peratus Pengembalian: Sampel Sedimen	192
44 Peratus Pengembalian: Sampel Kupang .	196
45 Peratus Pengembalian: Sampel Ikan Sembilang .....	200
46 Julat Peratus Pengembalian Logam-logam Berat Di Dalam Sedimen, Kupang Dan Ikan Sembilang .....	204

## SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1 Kawasan Perairan Port Dickson .....	21
2 Lokasi stesen pensampelan kawasan Sungai Sepang .....	22
3 Lokasi stesen pensampelan kawasan Sungai Lukut .....	22
4 Lokasi stesen pensampelan kawasan Sungai Linggi .....	22
5 Punca-punca pencemaran di lembangan Sungai Sepang dan Lukut .....	23
6 Punca-punca pencemaran di lembangan Sungai Linggi .....	24
7 Langkah-langkah Kajian Penspesisan ...	34
8 Kandungan logam Cu dalam sedimen sepanjang Pantai Sepang, Selangor hingga Pasir Panjang, Negeri Sembilan .....	40
9 Frekuensi kepekatan logam Cu dalam sedimen sepanjang pantai perairan Negeri Sembilan .....	43
10 Kandungan logam Zn dalam sedimen sepanjang Pantai Sepang, Selangor hingga Pasir Panjang, Negeri Sembilan .	45
11 Frekuensi kepekatan logam Zn dalam sedimen sepanjang pantai perairan Negeri Sembilan .....	48
12 Kandungan logam Cd dalam sedimen sepanjang Pantai Sepang, Selangor hingga Pasir Panjang, Negeri Sembilan .	49
13 Frekuensi kepekatan logam Cd dalam sedimen sepanjang pantai perairan Negeri Sembilan .....	51

Rajah	Muka Surat
-------	------------

14	Kandungan logam Pb dalam sedimen sepanjang Pantai Sepang, Selangor hingga Pasir Panjang, Negeri Sembilan ..	53
15	Frekuensi kepekatan logam Pb dalam sedimen sepanjang pantai perairan Negeri Sembilan .....	55
16	Kepekatan logam-logam berat Cu, Zn, Cd dan Pb dalam tisu kupang ( <i>Perna viridis</i> ) mengikut saiz dari Bagan Lalang, Sepang	70
17	Kepekatan logam-logam berat Cu, Zn, Cd dan Pb dalam tisu kupang ( <i>Perna viridis</i> ) mengikut saiz dari Pasir Panjang .....	71
18	Frekuensi kepekatan logam Cu dalam tisu ikan dari perairan Sepang .....	78
19	Frekuensi kepekatan logam Cu dalam tisu ikan dari perairan Lukut .....	78
20	Frekuensi kepekatan logam Cu dalam tisu ikan dari perairan Pasir Panjang .....	79
21	Frekuensi kepekatan logam Cu dalam tisu ikan dari perairan Muar .....	79
22	Frekuensi kepekatan logam Zn dalam tisu ikan dari perairan Sepang .....	83
23	Frekuensi kepekatan logam Zn dalam tisu ikan dari perairan Lukut .....	83
24	Frekuensi kepekatan logam Zn dalam tisu ikan dari perairan Pasir Panjang .....	84
25	Frekuensi kepekatan logam Zn dalam tisu ikan dari perairan Muar .....	84
26	Frekuensi kepekatan logam Cd dalam tisu ikan dari perairan Sepang .....	86
27	Frekuensi kepekatan logam Cd dalam tisu ikan dari perairan Lukut .....	86
28	Frekuensi kepekatan logam Cd dalam tisu ikan dari perairan Pasir Panjang .....	87

Rajah	Muka Surat
29 Frekuensi kepekatan logam Cd dalam tisu ikan dari perairan Muar .....	87
30 Frekuensi kepekatan logam Pb dalam tisu ikan dari perairan Sepang .....	92
31 Frekuensi kepekatan logam Pb dalam tisu ikan dari perairan Lukut .....	92
32 Frekuensi kepekatan logam Pb dalam tisu ikan dari perairan Pasir Panjang .....	93
33 Frekuensi kepekatan logam Pb dalam tisu ikan dari perairan Muar .....	93
34 Kepekatan Logam Cu, Zn, Cd dan Pb di dalam ikan sembilang ( <u><i>Plotosus anguillaris</i></u> ) dari Sepang .....	96
35 Kepekatan Logam Cu, Zn, Cd dan Pb di dalam ikan sembilang ( <u><i>Plotosus anguillaris</i></u> ) dari Lukut .....	97
36 Kepekatan Logam Cu, Zn, Cd dan Pb di dalam ikan sembilang ( <u><i>Plotosus anguillaris</i></u> ) dari Linggi .....	98
37 Peratus fraksi logam Cu di dalam sedimen dari estuari Sepang .....	100
38 Peratus fraksi logam Cu di dalam sedimen dari estuari Lukut .....	104
39 Peratus fraksi logam Cu di dalam sedimen dari estuari Linggi .....	107
40 Peratus fraksi logam Zn di dalam sedimen dari estuari Sepang .....	109
41 Peratus fraksi logam Zn di dalam sedimen dari estuari Lukut .....	112
42 Peratus fraksi logam Zn di dalam sedimen dari estuari Linggi .....	115
43 Peratus fraksi logam Cd di dalam sedimen dari estuari Sepang .....	118

44	Peratus fraksi logam Cd di dalam sedimen dari estuari Lukut .....	120
45	Peratus fraksi logam Cd di dalam sedimen dari estuari Linggi .....	124
46	Peratus fraksi logam Pb di dalam sedimen dari estuari Sepang .....	126
47	Peratus fraksi logam Pb di dalam sedimen dari estuari Lukut .....	128
48	Peratus fraksi logam Pb di dalam sedimen dari estuari Linggi .....	131

## **SENARAI SINGKATAN**

1.  $\mu\text{g/g}$  = mikrogram per gram
2. mg/g = milligram per gram
3. DBHP = di bawah had pengesanan
4. bpj = bahagian per juta
5. TIML = tukarganti ion dan mudah luluhawa
6. P.A = penurunan asid
7. O.O = oksidasi organik
8. Res = residu

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia bagi memenuhi syarat Ijazah Master Sains.

**KAJIAN LOGAM BERAT DI PERAIRAN PANTAI  
NEGERI SEMBILAN**

Oleh

**KHATIJAH BINTI KADER BATCHA**

Mac 1996

Pengerusi: Dr. Ahmad Ismail

Fakulti: Sains dan Pengajian Alam Sekitar

Kajian ini telah dijalankan di perairan pantai Negeri Sembilan untuk menentukan tahap kandungan logam-logam berat dalam biota dan abiota. Penganalisisan terhadap sampel sedimen dari perairan Negeri Sembilan, menunjukkan julat kandungan logam Cu adalah di antara di bawah had pengesahan hingga  $121.00 \mu\text{g/g}$ . Julat kandungan Zn di dalam sedimen menunjukkan nilainya antara  $5.60$  hingga  $166.00 \mu\text{g/g}$ . Logam Cd menunjukkan julatnya antara  $0.42$  hingga  $6.00 \mu\text{g/g}$ . Akhir sekali logam plumbum menunjukkan julatnya di antara di bawah had pengesahan hingga  $75.30 \mu\text{g/g}$ .

Kajian pencemaran logam-logam berat Cu, Zn, Cd dan Pb yang dijalankan di perairan Port Dickson menunjukkan kandungan logam-logam berat tinggi di kawasan tertentu seperti di muara sungai.

Kajian terhadap sampel kerang dari kawasan kajian dan beberapa kawasan lain menunjukkan kerang dari kawasan kajian mengalami pengumpulan logam-logam berat Cu, Cd dan Pb yang tinggi kecuali bagi

logam Zn. Penganalisisan kandungan logam berat di dalam tisu kupang dari kawasan kajian juga menunjukkan parasnya lebih tinggi bagi semua logam berat yang dianalisis kecuali bagi logam Cd. Kajian kepekatan logam-logam berat di dalam tisu kupang mengikut saiz menunjukkan kandungan logam-logam berat Cu, Zn, Cd dan Pb didapati lebih rendah dalam tisu kupang matang berbanding dengan yang bersaiz kecil.

Sampel ikan yang diperolehi dari kawasan kajian menunjukkan kepekatan logam-logam berat di dalam tisu ikan berbeza mengikut spesis dan lokasi pensampelan. Kajian juga menunjukkan bahagian tulang dan insang ikan sembilang mampu mengumpul logam-logam berat dengan banyak berbanding dengan tisu otot dorsal dan ventral.

Kajian penspesisan logam-logam berat telah dilakukan terhadap beberapa sampel sedimen dari sungai, muara sungai dan pantai. Keputusan menunjukkan kandungan logam-logam berat bukan litogenik yang dikesan dalam sedimen sungai dan muara sungai tinggi berbanding dengan sedimen dari pantai.

Antara 20% hingga 60% dari logam Cu, 8% hingga 53% dari logam Zn, 21% hingga 46% dari logam Cd dan 7% hingga 56% dari logam Pb yang dikesan di sekitar sungai dan estuari merupakan input daripada aktiviti manusia berdekatan. Kajian ini menunjukkan logam-logam berat tertumpu di kawasan berdekatan dengan sumber dan muara. Kawasan-kawasan lain sepanjang pantai tidak menunjukkan peningkatan dan berada dalam julat kepekatan yang sama dengan kawasan tidak tercemar.

Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

**STUDY OF HEAVY METALS IN NEGERI SEMBILAN  
COASTAL WATERS**

By

**KHATIJAH BINTI KADER BATCHA**

March 1996

Chairman: Dr. Ahmad Ismail

Faculty: Science and Environmental studies

This study had been carried out in Negeri Sembilan coastal water to detect the accumulation level of heavy metals in biota and abiotia. The research on sediment samples from Negeri Sembilan coastal waters showed the concentration range for Cu was between below the detection limit and 121.00  $\mu\text{g/g}$ . The range for Zn in the sediment was between 5.60  $\mu\text{g/g}$  and 166.00  $\mu\text{g/g}$ . The range found for Cd was between 0.42 and 6.00  $\mu\text{g/g}$ . Lastly the range determined for Pb was between below the detection limit and 75.30  $\mu\text{g/g}$ .

The pollution studies on heavy metals Cu, Zn, Cd and Pb carried out in Negeri Sembilan coastal waters indicated that the area experienced localised heavy metal pollution especially at the river mouths and the surrounding area.

The analysis on cockles from the study areas revealed higher accumulation of Cu, Cd and Pb, except for element Zn. The research on

heavy metals concentration in mussel from the study area also showed higher level for all metals except for Cd. The determination of heavy metal concentrations in mussel tissue in accordance to size indicated that the concentration on heavy metals Cu, Zn, Cd were lower in adult mussel tissues compared to the smaller ones.

The fish samples revealed that the concentration of heavy metals in fish tissues varied according to the species and locations. Through our study, it was also found that the bone and gill appeared to be the main parts accumulating heavy metals compared to dorsal and ventral muscle.

The chemical speciation analysis had been carried out on sediments from rivers, river mouths and shore. The result indicates that the content of non lithogenic heavy metals in sediments from river and river mouth are higher compared to the sediments from the shore.

The study shows that between 20% to 60% of Cu, 8% to 53% of Zn, 21% to 46% of Cd and 7% to 56% of Pb which had been detected in the surrounding area of the rivers and estuaries are the input contributed by human activities near by. This study also shows that heavy metals are concentrated around the sources and river mouths. The other areas along the coast did not indicate any elevation in heavy metals concentrations and remained within range as for unpolluted areas.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

Malaysia ialah sebuah negara yang tidak asing lagi di mata dunia. Ia dianggap sebagai satu-satunya negara di rantau Asia Tenggara yang pesat membangun. Di antara objektif utama negara kita ialah meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Iaitu dengan mengubahsuaikan kegiatan ekonomi negara dari sebuah negara pertanian ke sebuah negara perindustrian. Namun demikian, pembangunan yang diperkenalkan tanpa perancangan yang sempurna mungkin akan menyebabkan negara kita terdedah kepada ancaman pencemaran alam sekitar, khasnya logam-logam berat.

Pengalaman manusia menunjukkan pembangunan pesat yang tidak terkawal dalam sektor pertanian, perindustrian dan perlombongan telah menyebabkan pencemaran persekitaran. Kadar permintaan yang tinggi bagi semua jenis logam berikut dengan revolusi perindustrian telah menyebabkan pencemaran dan penyakit-penyakit tempat kerja secara meluas. Keracunan yang disebabkan oleh logam plumbum dan raksa merupakan perkara biasa dalam abad sembilan belasan (Purves, 1985).

Satu masalah dalam kategori ini yang telah mendapat perhatian hangat penduduk dunia ialah sejenis penyakit neurologi yang telah mengancam nelayan-nelayan dan keluarga mereka di sekitar Teluk Minamata, di selatan Jepun di antara tahun 1953 hingga 1961 dan seterusnya di air tawar Niigata pada tahun 1965 (Purves, 1985). Penyakit ini telah

digelar sebagai penyakit Minamata. Menurut Kurland et al. (1960) penyakit Minamata telah menyebabkan kelemahan otot-otot, ketidakseimbangan, lumpuh, buta, koma dan juga kematian. Penyakit Minamata dikaitkan dengan kehadiran metil raksa yang sangat tinggi dalam tisu-tisu ikan yang dimakan oleh mangsa-mangsa yang terlibat. Punca keracunan raksa ini telah dikaji dan didapati efluen dari kilang Chisso yang menggunakan sebatian raksa bukan organik sebagai mangkin untuk penghasilan metaldehid dan venil klorida telah menyebabkan bencana ini (Badri, 1986).

Kejadian ini disusuli dengan tragedi keracunan logam kadmium yang berlaku di Lembah Sungai Jintsu pada tahun 1965 (Purves, 1985). Penduduk di sekitar lembah sungai ini telah memakan beras dari sawah yang diairi oleh Sungai Jintsu yang melalui kawasan perlombongan kadmium. Akibatnya ramai penduduk telah diserang oleh sejenis penyakit yang dinamakan Itai-itai. Penyakit ini telah menyebabkan kerosakan pada tulang (Osteomalacia) (Nicaud et al., 1942) dan juga kerosakan buah ginjal (Friberg, 1948; dan Piscator, 1966). Selain itu, sejarah menunjukkan pada tahun 1972, antara 5,000 hingga 50,000 manusia ditimpa maut di Iraq. Ini berpunca dari gandum yang tercemar dengan logam raksa (Badri, 1986). Selain dari bencana-bencana yang telah terjadi di Jepun dan Iraq, kejadian keracunan raksa juga telah berlaku di Pakistan, Guatemala, di Negeri Thai dan Amerika Syarikat (Badri, 1986).

Di negara kita, secara amnya kegiatan-kegiatan perindustrian tempatan mungkin menyebabkan pencemaran logam-logam berat di dalam ketiga-tiga media iaitu udara, tanah dan air. Laporan yang sedia ada juga menunjukkan penganalisa-penganalisa tempatan telah menitikberatkan ketiga-tiga media ini dalam menentukan tahap pencemaran logam berat.

Namun demikian penumpuan yang lebih ketara telah diberikan pada media air. Ini adalah kerana destinasi akhir semua bahan-bahan pencemar adalah ke badan air berhampiran iaitu sungai-sungai dan akhirnya ke laut.

Di Semenanjung Malaysia, kawasan pantai barat merupakan tempat penumpuan segala jenis aktiviti manusia termasuk perindustrian berbanding dengan kawasan pendalaman. Oleh kerana hampir semua aktiviti penduduk di negara ini tertumpu pada pinggir pantai, kawasan ini berkemungkinan tinggi menanggung ancaman pencemaran alam yang serius.

Semenjak zaman sejarah, kawasan pantai barat merupakan kawasan yang senang diterokai dan persisiran pantai barat telah banyak mengalami perkembangan dan pengeksplotasian sumber berbanding dengan pantai timur (Gomez, 1988). Semua ini telah menjadikan zon pantai barat agak terdedah kepada pencemaran alam sekitar.

Secara ekologi, kawasan perairan pantai merupakan satu kawasan perantaraan di antara tanah dan air serta merupakan satu kawasan produktif di mana aktiviti-aktiviti biokimia berlaku dengan pesatnya (Lulofs, 1974). Penekanan pada perkembangan ekonomi dan pengeksplotasian sumber-sumber laut secara meluas telah menyebabkan zon pinggir pantai khasnya perairan pantai barat Semenanjung Malaysia telah terdedah kepada pencemaran alam sekitar. Bahan-bahan toksik yang terkumpul di kawasan ini telah merosakkan kawasan paya bakau yang kaya dengan sumber-sumber semulajadi dan yang merupakan satu-satunya pelindung semulajadi pinggir pantai barat (Laporan Tahunan Alam Sekitar 1985/86).

Menurut kajian terdahulu (Law dan Singh, 1986; Shazili, 1989; dan Nather Khan, 1990) kehadiran logam-logam berat di perairan pantai barat Semenanjung Malaysia berkait rapat dengan aktiviti-aktiviti manusia disekitar kawasan tersebut.

Pada masa ini perairan Negeri Sembilan merupakan suatu kawasan yang pesat membangun di Malaysia dan memerlukan data-data asas untuk menentukan keadaan alam sekitarnya secara terperinci. Setakat ini belum ada satu kajian terperinci mengenai taburan logam-logam berat di perairan Negeri Sembilan. Memandangkan kepada kurang maklumat dan perlu maklumat untuk pengurusan kualiti alam sekitar masa akan datang, maka kajian ini dilakukan. Objektif-objektif utama kajian ini ialah:

1. Mengenalpasti corak taburan logam-logam berat Cu, Zn, Cd dan Pb dalam sedimen di perairan Negeri Sembilan.
2. Menilai status logam berat dalam organisma moluska dan ikan.
3. Melihat perilaku logam berat dalam sedimen.

## BAB 2

### SOROTAN LITERATUR

#### Definisi Logam Berat

Istilah 'logam berat' mempunyai erti yang amatlah luas. Ia adalah logam-logam elektronegatif inert kimia. Logam-logam berat ini mempunyai berat atom yang melebihi berat atom elemen Naterium dan mempunyai graviti spesifik yang melebihi  $5.0 \text{ gm/sm}^3$  (*Encyclopedia of Environmental Science and Engineering*, 1992).

Menurut Hawley's Condensed Chemical Dictionary (1987), logam-logam berat adalah logam-logam yang mempunyai berat atom yang melebihi berat atom Naterium (22.9) dan membentuk sabun apabila bertindakbalas dengan asid lemak.

Definasi-definisi ini boleh digunakan bagi 70 elemen-elemen logam tetapi hanya beberapa logam-logam berat sahaja yang dikaitkan dengan pencemaran alam sekitar (Piotrowski dan Coleman, 1980).

#### Sumber-sumber Logam Berat

Logam berat biasanya didapati dalam kuantiti yang agak kecil dalam air laut. Ia disalurkan ke media ini melalui proses-proses semulajadi dan juga anthropogenik.

## Sumber Semulajadi

Kebanyakan sebatian semulajadi bukan organik yang sampai ke laut adalah dalam bentuk cecair dan pepejal terampai. Kedua-duanya dibawa masuk oleh sungai-sungai. Proses aerosol dan hakisan luluhan menyebabkan sebatian bahan-bahan semulajadi terlarut dalam air sungai (Bertine dan Goldberg, 1971). Kebanyakan bahan-bahan surih secara berkesan dijerab oleh zarah organik dan bukan organik yang terdapat dalam sungai. Keadaan seperti itu telah menyebabkan kedapatan bahan-bahan surih yang larut secara terus menerus di dalam air sungai di seluruh dunia. Bahkan proses semulajadi ini mengaburi kuantiti kemasukan bahan-bahan surih melalui sumber-sumber industri (Turekian, 1971).

## Sumber-sumber Anthropogenik

Aktiviti-aktiviti manusia telah menyebabkan penambahan kuantiti kedapatan biologi bahan-bahan surih yang toksik di dalam persekitaran marin. Secara umum air buangan dari kawasan-kawasan bandar dan amnya pembangunan secara teknikal bersama bahan-bahan pembuangan dari aktiviti-aktiviti industri yang tertentu telah menyebabkan kehadiran logam-logam berat yang berlebihan di persekitaran. Keadaan ini secara tidak langsung telah menyebabkan pencemaran logam berat (Yeats dan Bewers, 1983). Walaupun terdapat berbagai-bagai sumber pencemaran logam-logam berat, industri-industri berikut merupakan penyumbang utama bahan-bahan surih ke badan air.

- i) Industri-industri perlombongan logam.
- ii) Industri-industri Ferus dan bukan ferus termasuk industri-industri penyaduran.